Orkim beli kapal tangki RM153.6 juta dari China

Oleh BERNAMA - November 3, 2026 @ 9:26pm



Anak syarikat milik penuh Orkim, Orkim Marine Sdn Bhd memeterai dua kontrak pembinaan kapal dengan pembuat kapal China

KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik penuh Orkim Bhd, Orkim Marine Sdn Bhd telah memeterai dua kontrak pembinaan kapal dengan pembuat kapal China bernilai gabungan RM153.6 juta (250.6 juta yuan) untuk dua kapal tangki minyak.

Orkim melalui satu makluman kepada Bursa Malaysia hari ini berkata, kontrak itu ditandatangani dengan Fujian Southeast Shipbuilding Co Ltd dan Fujian Mawei Shipbuilding Ltd pada 3 November 2026, meliputi reka bentuk, pembinaan, pentauliahan serta penghantaran kapal berkenaan.

Setiap kapal berharga RM76.8 juta (125.3 juta yuan) dan mempunyai berat mati 9,000 tan, dengan kapasiti kargo sebanyak 11,700 meter padu.

Kapal itu dijadualkan untuk penghantaran, masing-masing menjelang 31 Disember 2028 dan 31 Disember 2029, yang akan didaftarkan di bawah bendera Malaysia.

"Pertimbangan pembelian agregat untuk kapal itu ditentukan berikutan proses Pelawaan Bidaan (ITB) yang kompetitif.

"Limbungan kapal yang dipilih telah menghantar tawaran harga terendah yang memenuhi spesifikasi teknikal dan keperluan kumpulan, dengan mengambil kira pengalaman limbungan, rekod prestasi, kebolehpercayaan serta keupayaan untuk menghantar kapal dalam tempoh masa yang diperlukan," kata pengendali kapal tangki produk petroleum bersih itu.

Orkim juga berkata, cadangan pengambilalihan itu adalah selaras dengan strategi pengembangan armada berterusan kumpulan dan program pembaharuan kapalnya.

"Kapal itu dijangka mengukuhkan operasi perkapalan kumpulan dengan meningkatkan kapasiti armada selain keupayaannya untuk mengambil peluang penyewaan tambahan di seluruh pesisir pantai Malaysia serta perdagangan serantau terpilih," katanya.

Orkim berkata, penyiapan pengambilalihan itu boleh terjejas jika syarat tertentu di bawah kontrak tidak dipenuhi atau jika keadaan tidak dijangka timbul sebelum penghantaran kapal.

"Kumpulan itu menguruskan risiko ini dalam perjalanan biasa perniagaan melalui pengurusan kontrak yang berdisiplin, pembabitan dengan rakan niaga yang mantap dan bereputasi serta penyelenggaraan perlindungan insurans yang sesuai, antara langkah pengurangan risiko yang lain," katanya.

Pengambilalihan itu dijangka tidak mempunyai sebarang kesan material ke atas pendapatan dan perolehan sesaham kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026 memandangkan kapal-kapal tersebut hanya akan dihantar menjelang 2028 dan 2029.

Kapal itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan masa depan kumpulan dan pendapatan sesaham selepas penghantaran dan permulaan operasi komersial. - BERNAMA